


ULASAN BUKU

**Ahmad Hidayat Buang (ed.), 2007,
*Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip
 dan Amalan*, 440 halaman,
 ISBN 978983100434008500**

Pengulas: *Mohd Norhusairi Mat Hussin*
 husairi@um.edu.com

Jabatan Syariah dan Undang-undang,
 Akademi Pengajian Islam,
 Universiti Malaya,
 50603 Kuala Lumpur.



PENDAHULUAN

Buku akademik ini ditulis oleh para sarjana undang-undang syariah. Maklumat dalam buku ini sangat bermanfaat dan memberikan impak keilmuan yang besar dalam dunia pendidikan, khususnya di universiti. Buku *Undang-Undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan* ini wajar dijadikan rujukan oleh ahli akademik, pengamal undang-undang, dan pihak mahkamah syariah sendiri. Selain itu, buku ini memaparkan gambaran berkenaan dengan undang-undang Islam yang berkuat kuasa di Malaysia kepada orang awam. Buku ini memberikan impak polisi dalam penambahbaikan khususnya dari aspek pentadbiran dan undang-undang Islam di Malaysia.

Buku yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Malaya pada tahun 2007 ini disunting oleh Profesor Dr Ahmad Hidayat Buang, dari Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Buku ini merupakan himpunan siri penerangan yang disampaikan oleh para penulisnya yang merupakan tenaga pengajar di jabatan berkenaan. Ulasan buku ini dibahagikan kepada ulasan secara umum dan ulasan secara khusus.

ULASAN UMUM

Sebanyak 17 bab penulisan yang dikelompokkan kepada empat tema utama, iaitu Kekeluargaan, Tatacara Mahkamah Syariah, Perancangan Harta Keluarga serta Kewangan dan Muamalat. Penulisan dalam buku ini menyentuh aspek sejarah perkembangan undang-undang, perbincangan hukum syarak yang

relevan serta peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan topik yang dibincangkan. Pembahagian ini sebenarnya menggambarkan bidang pengkhususan pengajian dan amalan syariah pada masa kini. Kupasannya memberikan panduan umum kepada para pembaca mengenai undang-undang syariah yang menyentuh hak mereka di negara ini. Perbincangannya dapat memberikan kefahaman tentang undang-undang Islam yang berkuat kuasa di Malaysia.

Penulisan ini merupakan hasil penyelidikan ahli akademik yang menggunakan metodologi penyelidikan yang sesuai khususnya dalam bidang sains sosial. Metode pengumpulan data dan analisis data dikenal pasti sebagai metodologi utama para penulis yang menjalankan penyelidikan serta menghasilkan penulisan dalam buku ini. Rujukan yang digunakan oleh para penulis merupakan rujukan yang autoritatif, meskipun terdapat rujukan sekunder yang digunakan. Bahan-bahan berkenaan telah dianalisis secara historis, komparatif, induktif dan deduktif. Dalam analisis penulis, kebanyakan mereka membawa autoriti syarak serta amalan pada zaman awal Islam sebelum sesuatu undang-undang atau prosedur itu dikanunkan dalam undang-undang Islam yang berkuat kuasa di Malaysia. Metode komparatif digunakan untuk membandingkan amalan semasa pada awal Islam khususnya dalam kes kekeluargaan. Amalannya pada masa kini berdasarkan prosedur mahkamah yang diperuntukkan dalam undang-undang acara mal yang berkuat kuasa di Malaysia.

Pendekatan analisis data secara induktif pula dilakukan terhadap kes yang pernah diputuskan oleh mahkamah serta realiti masyarakat untuk menyimpulkan prinsip umum yang dapat dipakai dalam kes berkenaan. Contohnya seperti amalan harta sepencarian yang diamalkan dalam masyarakat Melayu di Malaysia serta kaitannya dengan prinsip hukum syarak yang ada, dan membenarkan amalan seumpama ini dalam sistem perundangan Islam di Malaysia.

Analisis secara deduktif pula cuba untuk menggunakan teori umum yang kukuh seperti teori keadilan Islam dan teori jenayah Islam serta pembuktianya yang ketat mengikut prosedur undang-undang jenayah Islam yang ada di Malaysia. Meskipun tiada data yang bersifat kuantitatif serta tiada kaedah kajian lapangan yang dipersembahkan dalam buku ini, dapatannya tetap memberikan hasil penemuan yang baik berdasarkan analisis akademik yang dikemukakan oleh para penulisnya.

Buku ini dimulakan dengan tajuk kekeluargaan yang membincangkan hal ehwal perkahwinan, perceraian serta perkara yang berbangkit daripada perkahwinan dan perceraian, seperti harta sepencarian, nafkah dan hak penjagaan anak, serta hak yang ada dalam hal ehwal kekeluargaan bagi pasangan yang menganut agama yang berlainan. Penulisan ini kemudiannya diikuti tentang tatacara perbicaraan di mahkamah termasuklah prosedur,

pembuktian serta kesalahan yang merangkumi hak tertuduh dalam kesalahan jenayah syariah tersebut. Bab awal penulisan dalam buku ini yang menyentuh hal ehwal personal (diri) khususnya bab kekeluargaan dan jenayah syariah ini kemudiannya diikuti pula dengan bab perancangan harta keluarga serta bab kewangan dan muamalat pada tema penulisan akhirnya. Dua bab akhir ini banyak menyentuh hal ehwal pengurusan harta Muslim di Malaysia serta kaitannya dengan masyarakat sekeliling seperti wasiat, wakaf, produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Topiknya disusun dan mempunyai perkaitan yang baik antara satu tema dengan tema yang lain dalam buku ini.

ULASAN KHUSUS

Buku ini dimulakan dengan tema kekeluargaan sebagai tema pertama yang ditulis oleh enam orang penulis menerusi enam tajuk yang berbeza iaitu :

- 1) Prosedur Perkahwinan (Raihanah Abdullah)
- 2) Prosedur Perceraian (Suwaid Tapah)
- 3) Harta perkahwinan - Harta Sepencarian (Suwaid Tapah)
- 4) Hak Nafkah dan Hadhanah (Raihanah Abdullah)
- 5) Status dan Hak Anak (Ahmad Hidayat Buang)
- 6) Hak Kekeluargaan Pasangan Berlainan Agama (Narizan Abdul Rahman)

Tajuk pertama dalam tema ini, menerangkan konsep perkahwinan yang ada dalam Islam. Perbincangan ditumpukan pada hukum syarak dan konsep perkahwinan dalam Islam. Rukun nikah berserta huraiannya secara terperinci diulas dengan baik oleh penulis untuk memberikan gambaran tentang konsep perkahwinan dalam Islam. Penulis kemudiannya menghuraikan keperluan perkahwinan tersebut menurut undang-undang keluarga Islam yang berkuat kuasa di Malaysia. Secara prinsipnya konsep perkahwinan ini masih dikenalkan dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia, tetapi telah ditambah dengan beberapa prosedur bagi mengemasukan lagi amalannya. Prosedur yang dimaksudkan termasuklah pendaftaran perkahwinan, tatacara sebelum perkahwinan yang bertujuan untuk merekodkan serta melicinkan pentadbiran hal ehwal perkahwinan orang Islam oleh pejabat agama. Penulis turut mengulas berkaitan dengan usia minimum perkahwinan serta tatacara poligami yang bertujuan untuk mengelakkan mudarat yang mungkin berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Penulis menyentuh secara ringkas kesalahan perkahwinan yang sering berlaku dalam masyarakat seperti kahwin lari dan nikah sindiket yang memberikan kesan perundangan terhadap pasangan tersebut.

Penulis seterusnya yang mengupas tentang prosedur perceraian di mahkamah syariah Malaysia. Huraian penulis lebih terfokus pada perceraian serta hal ehwal yang berkaitan dengan perceraian dalam undang-undang keluarga Islam yang berkuat kuasa di Malaysia. Hal yang dibincangkan seperti prosedur perceraian, cara mahkamah menangani kes perceraian jika salah satu pihak tidak mahu bercerai serta jenis perceraian yang termaktub dalam undang-undang keluarga Islam seperti talaq, khuluq, dan fasakh. Perbincangan ini meskipun tidak mempunyai perbincangan fiqah yang mendalam, tetapi diterangkan secara panjang lebar berkaitan dengan prosedur dan kepentingan memahami tatacara perceraian dengan baik.

Penulis kemudiannya membincangkan secara panjang lebar berkaitan dengan harta sepencarian yang merupakan harta perkahwinan yang wujud semasa berlangsungnya ikatan perkahwinan antara pihak-pihak. Huraian yang jelas dan terperinci berkaitan dengan konsep harta sepencarian, sumbangan langsung dan tidak langsung mampu memberikan kefahaman yang baik kepada pembaca untuk memahami konsep harta sepencarian dan amalannya di mahkamah syariah Malaysia. Perbincangan dikemukakan bersama-sama kes yang pernah diputuskan serta prosedur tuntutan terhadap harta ini. Perbincangan ini memberikan panduan yang jelas amalan harta sepencarian oleh masyarakat Muslim di Malaysia. Meskipun kes yang dikemukakan terdiri daripada kes lama yang diputuskan oleh mahkamah sivil, tetapi kes ini masih relevan untuk dijadikan rujukan dalam kes harta sepencarian.

Tajuk keempat dalam tema kekeluargaan ini pula ialah Hak Nafkah dan Hadanah. Kedua-dua tajuk ini berkaitan khususnya tentang penjagaan anak yang masih kecil serta kewajipan menanggung nafkah anak ini. Dalam penulisan ini, penulis membawa perbincangan hukum syarak berkaitan dengan hak nafkah dan hadanah ini secara ringkas, namun memadai untuk menunjukkan kewajipan memberikan nafkah kepada isteri, anak-anak dan ibu bapa yang telah tua. Pemberian nafkah ini meliputi makanan, pakaian, tempat tinggal serta keperluan asasi lain yang diperlukan oleh orang yang berada di bawah jagaan. Perbincangan pemberian nafkah ini difokuskan pada tanggungjawab bapa atau suami dalam menyediakan nafkah kepada orang di bawah tanggungannya. Penulis kemudiannya menghuraikan peruntukan undang-undang yang ada dalam undang-undang keluarga Islam yang menyentuh soal nafkah dan hak hadanah ini. Meskipun hak jagaan anak (hadanah) itu terletak di bawah jagaan ibu atau bekas isteri, kewajipan memberikan nafkah masih tetap terpikul di bahu bapa atau bekas suami. Penulis turut mengemukakan prosedur tuntutan nafkah dan hadanah serta kes yang pernah diputuskan oleh mahkamah syariah untuk memperkuat hujah dan isi perbincangan.

Penulis kelima dalam tema pertama ini pula mengulas berkaitan dengan status dan hak anak. Perbincangan dalam tajuk ini terfokus pada hak yang perlu dilaksanakan oleh seseorang yang mempunyai anak. Hak ini merangkumi hak material dan hak bukan material. Penulis menghuraikan maksud anak sendiri, anak angkat, anak susuan dan anak tiri secara jelas. Huraihan ini menjelaskan hak yang signifikan dan berbeza dalam hukum syarak dan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia. Dalil al-Quran dan hadis dikemukakan bagi menyokong hujah dalam perbincangan. Penulis turut membincangkan hak material seperti makanan, pakaian, kewangan serta hak yang bukan material seperti akikah, kasih sayang, didikan agama dan sebagainya berserta dengan dalil yang kukuh. Penulis menegaskan bahawa hak ini merupakan kewajipan ibu bapa yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Tajuk terakhir dalam tema pertama ini ialah berkenaan dengan Hak Kekeluargaan Pasangan Berlainan Agama. Dalam tajuk ini, penulis mengetengahkan isu apabila salah seorang pasangan memeluk Islam (*conversion to Islam*). Dalam keadaan ini dua sistem undang-undang diri (*Personal Law*) dalam konteks Malaysia digunakan. Konflik timbul apabila pasangan memeluk Islam yang tertakluk pada undang-undang Islam di mahkamah syariah, manakala pasangannya yang bukan Islam tertakluk pada undang-undang sivil di mahkamah sivil. Penulis membandingkan hak untuk membubarkan perkahwinan menurut kedua-dua undang-undang ini, serta hak yang timbul kesan daripada pembubaran perkahwinan di kedua-dua mahkamah. Kes yang dikemukakan menepati dan memperkuuh perbincangan yang dibuat. Penulis menegaskan bahawa keputusan mahkamah dalam penentuan hak ini perlu dirujuk pada kes yang pernah diputuskan. Namun, konflik bidang kuasa antara mahkamah masih wujud dan memerlukan penyelesaian yang harmonis.

Tema kedua buku ini pula ialah Tatacara Mahkamah: Pembuktian dan Jenayah. Tema ini mengandungi empat penulisan, iaitu :

- 1) Prosedur Mal di Mahkamah Syariah (Ahmad Hidayat Buang)
- 2) Pembuktian di Mahkamah Syariah (Ruzman Md Noor)
- 3) Kesalahan Jenayah Syariah (Siti Zubaidah Ismail)
- 4) Hak Tertuduh dalam Kesalahan Jenayah Syariah (Siti Zubaidah Ismail)

Secara umumnya keempat-empat penulisan ini menyentuh persoalan prosedur undang-undang termasuk pembuktian yang perlu dikemukakan di mahkamah syariah. Ahmad Hidayat Buang telah memulakan perbincangan dalam tema ini dengan memperincikan prosedur mal di mahkamah syariah yang meliputi pihak yang bertikai (plaintif dan defendant), perkara yang dituntut dan mengenal pasti bidang kuasa mahkamah dan sebagainya.

Penulisan ini jelas mampu memberikan kefahaman kepada orang ramai yang baru memulakan kes di mahkamah syariah dari segi prosedur dan formaliti yang ada di mahkamah syariah.

Penulisan kedua pula banyak menyentuh aspek pembuktian dalam kes di mahkamah syariah. Aspek pembuktian ini perlu dititikberatkan bagi maksud perbicaraan kes dan sangat membantu mahkamah dalam membuat penghakiman. Penulis menekankan sumber rujukan pembuktian ini yang berpandukan Akta, Enakmen dan Ordinan Keterangan Mahkamah-Mahkamah Syariah negeri-negeri. Jelasnya, undang-undang keterangan di mahkamah syariah yang berkuat kuasa sekarang ini merupakan adaptasi daripada undang-undang di India yang dirangka oleh Sir James Stephen berdasarkan *common law* Inggeris. Penulis membahagi-bahagikan bentuk keterangan yang ada seperti *al-bayyinah*, dan *syahadah* serta membuat penghuraian yang terperinci bagi setiap bentuk keterangan tersebut.

Penulisan ketiga berkenaan dengan kesalahan jenayah pula membincangkan kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan dalam Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri. Kesalahan jenayah syariah dikategorikan mengikut kaitannya dengan akidah, berhubung dengan kesucian agama dan institusinya, tatasuila, matrimoni dan kesalahan pelbagai. Penulis telah membuat analisis kesalahan jenayah syariah khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan mengemukakan statistik kes jenayah syariah dengan merujuk kes jenayah syariah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bermula tahun 2003-2006. Analisis ini telah menggambarkan jenis kesalahan jenayah yang sering dilakukan serta cara mahkamah bertindak dalam membuat penghukuman terhadap kes jenayah ini.

Penulisan ini diteruskan oleh penulis yang sama pada tajuk akhir bagi tema ini, iaitu hak tertuduh dalam kesalahan jenayah syariah. Penulis memulakan perbincangan dengan mengemukakan konsep umum keadilan dalam Islam. Penulis menegaskan bahawa setiap orang harus dilayan dengan adil dan tidak berat sebelah termasuk kepada tertuduh dalam kes jenayah. Hal ini demikian kerana tertuduh belum lagi disabitkan sebagai bersalah oleh mahkamah serta mereka mempunyai hak untuk mendapat layanan yang adil. Penulis turut menegaskan bahawa melalui Undang-undang Acara Jenayah dan Pentadbiran Mahkamah Syariah, perkara ini dapat dipastikan dan seterusnya keadilan terhadap tertuduh dapat dilaksanakan.

Tema ketiga buku ini ialah Perancangan Harta Keluarga yang menyentuh persoalan diri dan keluarga, khususnya perkara yang berhubung dengan urusan selepas kematian seperti pusaka dan wasiat. Terdapat empat tajuk di bawah tema ini, iaitu:

- 1) Undang-Undang dan Prosedur Wakaf (Siti Mashitoh Mahamood)
- 2) Prinsip dan Pelaksanaan Wasiat (Ahmad Hidayat Buang)
- 3) Prinsip dan Pentadbiran Pusaka (Ahmad Hidayat Buang)
- 4) Prinsip dan Pelaksanaan Hibah (Ahmad Hidayat Buang)

Siti Mashitoh Mahamood telah memulakan penulisan berkaitan dengan wakaf sebagai tajuk pertama dalam tema ini. Topik wakaf dibincangkan dari sudut hukum syarak dengan baik dan terperinci. Dalil daripada al-Quran, hadis dan sirah Rasulullah dikemukakan untuk menunjukkan kelebihan dan kepentingan wakaf dalam Islam. Penulis juga telah menganalisis peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan pewakafan sebagai lanjutan daripada perbincangan hukum syarak yang telah dikemukakan. Penyusunan penulisan yang teratur dapat memberikan kefahaman yang jelas berkenaan konsep dan amalan wakaf dalam Islam serta bagaimana undang-undang yang ada di Malaysia ini mentadbir wakaf tersebut. Penulis menegaskan tentang hak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal dalam pengurusan dan pentadbiran harta wakaf orang Islam di Malaysia ini.

Penulisan kedua dalam tema ini pula menyentuh persoalan wasiat dalam kalangan orang Islam. Perbincangan yang ringkas berkenaan dengan konsep wasiat dalam Islam serta amalan pentadbirannya di Malaysia hari ini juga mampu memberikan input yang baik kepada masyarakat dalam memahami aspek pentadbiran wasiat ini. Perbincangan berkenaan wasiat *wajibah* turut dilakukan dengan terperinci oleh penulis termasuk komentar berkenaan dengan wasiat *wajibah* yang telah diamalkan di negeri Selangor. Penulis tidak hanya membincangkan berkenaan dengan konsep wasiat dalam hukum syarak sahaja, bahkan mengemukakan cadangan pengiraan bagi kes tertentu seperti wasiat *wajibah* di Selangor.

Perbincangan berkaitan dengan wasiat ini telah dilanjutkan dalam penulisan ketiga bagi tema ketiga ini, iaitu Prinsip dan Pentadbiran Pusaka. Perkara asas berkaitan dengan pusaka dibincangkan secara terperinci, seperti waris, masa harta tersebut diagihkan, bentuk hubungan kekeluargaan dengan si mati yang melayakkan seseorang itu menerima pusaka atau tidak dan lain-lain. Penulis turut menghuraikan kadar bahagian waris *ashab al-furud*, waris *asabah*, pengurangan dan halangan bahagian pusaka yang dipersembahkan dalam bentuk jadual. Maklumat ini tentunya dapat membantu memudahkan masyarakat memahami pembahagian harta pusaka ini yang agak sukar untuk difahami.

Tajuk terakhir dalam tema ini juga ditulis oleh Ahmad Hidayat Buang berkenaan dengan Prinsip dan Pelaksanaan Hibah. Hibah merupakan pemberian hidup yang diberikan oleh seseorang kepada seseorang yang lain tanpa paksaan sebagai tanda kasih sayang dan hadiah. Pemberian dan

amalan hibah ini tentunya berbeza dengan pusaka dan wasiat. Penulis turut menghuraikan perbezaan yang wujud antara hibah, hadiah dan sedekah, seterusnya menghuraikan secara lebih lanjut rukun dan syarat hibah yang perlu dipenuhi untuk menjadikan sesuatu hibah itu sah. Kes yang dikemukakan juga adalah relevan dengan perbincangan yang ada bagi menunjukkan sikap mahkamah dalam menghakimi kes hibah jika berlaku kecacatan dalam rukun dan syarat hibah. Tegasnya, hibah merupakan amalan murni yang dapat menyumbangkan pahala dan kebajikan kepada pemberi hibah. Sungguhpun begitu, bagi maksud menjadikan sesuatu hibah itu sah dari segi hukum syarak dan undang-undang beberapa peraturan dan syarat yang ditetapkan perlulah dipenuhi.

Tema terakhir dalam buku ini ialah Kewangan dan Muamalat. Tema ini mengandungi tiga tajuk penulisan iaitu :

- 1) Pembayaran Zakat dan Fitrah (Siti Mashitoh Mahamood)
- 2) Produk dan Perkhidmatan Kewangan Islam (Ahmad Hidayat Buang)
- 3) Produk Halal (Zalina Zakaria)

Tajuk pertama ini telah dibincangkan dengan panjang lebar tentang konsep zakat dan fitrah dalam konteks Malaysia. Penulis juga menganalisis tafsiran zakat dan fitrah mengikut Perlembagaan Persekutuan dan statut negeri. Perbincangan terperinci berkenaan dengan zakat fitrah ini terangkum dalam penulisan ini yang membincangkan persoalan jenis harta yang perlu dizakatkan, peruntukan undang-undang, pihak yang boleh memungut zakat serta potongan zakat melalui potongan gaji dan sebagainya. Penerangan yang dilakukan oleh penulis adalah tersusun bermula dengan perbincangan minimum berkaitan dengan hukum syarak sehingga keadaan undang-undang dan peraturan yang ada berkaitan dengan zakat di Malaysia.

Tajuk kedua dalam tema ini pula ialah berkenaan dengan Produk dan Perkhidmatan Kewangan Islam. Penulis telah memfokuskan Malaysia sebagai negara Islam termaju dalam sektor kewangan Islam. Kejayaan ini didorong oleh pelbagai faktor termasuk infrastruktur sistem kewangan yang kukuh, dinamisme dan daya inovasi yang tinggi dalam produk kewangan serta pelbagai faktor pendorong yang lain. Penulis menghuraikan perkhidmatan dan kemudahan perbankan yang terdapat di Malaysia, serta memperincikan beberapa produk seperti akaun simpanan menggunakan prinsip wadiyah dan mudarabah. Penggunaan produk seperti *bay' bithaman ajil*, *bay' al-dayn*, *bay' al-'inah*, pembiayaan ekuiti melalui prinsip mudarabah dan *musyarakah* juga diterangkan secara terperinci oleh penulis. Pelbagai bentuk takaful dibincangkan secara panjang lebar oleh penulis yang akhirnya diakhiri dengan perbincangan penawaran sekuriti atau bon Islam.

Produk Halal merupakan penulisan terakhir dalam tema dan buku ini. Topik ini berkaitan dengan konsep halal dan haram dalam makanan dan barang kegunaan sehari-hari. Perbincangannya lebih kepada undang-undang yang berkaitan dengan produk halal seperti Akta Perihal Dagangan 1972, Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan Halal) 1975, Akta Makanan 1983, dan Akta Perlindungan Pengguna 1999. Fatwa berkaitan halal di Malaysia turut dibincangkan penulis yang merangkumi fatwa bioteknologi makanan, fatwa penggunaan agen aktif permukaan dalam makanan dan sebagainya. Kepentingan produk halal ini telah mendorong pihak kerajaan khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk memperkenalkan sijil halal terhadap produk pengguna di Malaysia. JAKIM merupakan badan yang berautoritatif dalam menggubal peraturan berkaitan dengan pensijilan halal di Malaysia ini. Penulis turut menyatakan bahawa sijil halal JAKIM merupakan suatu pengiktirafan yang menjadi contoh kepada negara Islam yang lain. Hal ini juga sejajar dengan kesedaran penggunaan produk halal di Malaysia ini.

KESIMPULAN

Penulisan dalam buku seumpama ini sangat diperlukan oleh masyarakat sama ada masyarakat awam mahupun pengamal perundangan Islam. Penulisan yang berinformatif hasil kepakaran ahli akademik ini mampu memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang hak dan kepentingan mereka dari sudut perundangan di Malaysia. Meskipun huraian dari sudut hukum syarak dalam penulisan ini adalah minimal, isu substantif dan perundangan yang dikemukakan adalah realistik dan jelas. Hubungan antara hukum syarak dan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia dapat dijelaskan secara tuntas dalam menghasilkan penulisan yang berkualiti ini. Walaupun penulisan ini masih membincangkan persoalan konsep, namun usaha ini tidak boleh dipandang ringan dalam memberikan pendedahan umum tentang undang-undang Islam di Malaysia. Sewajarnyalah penulisan ini disusuli dengan kajian lanjut yang lebih mendalam untuk mengislamisasikan lagi undang-undang Islam di Malaysia, sesuai dengan konsep keadilan dalam Islam. Meskipun Islam merupakan agama rasmi dan dominan di Malaysia, limitasi yang ada dalam perundangan Islamnya masih tetap menjadi penghalang kepada peluasan bidang kuasa mahkamah syariah dalam merealisasikan undang-undang Islam di Malaysia. Namun, dalam limitasi yang ada tersebut para penulis telah berjaya mengisi ruang-ruang keadilan yang seharusnya diperaktiskan dalam kehidupan masyarakat sesuai dengan ajaran Islam yang sebenar.